

Media Title : Harian Metro
Headline : Dua beradik rugi RM658k ditipu sindiket
Date : 7 April 2023
Section : Lokal
Page : 4



Kuala Terengganu: Guru dan pesara swasta yang juga adik-beradik rugi RM658,000 selepas diperdaya sindiket Phone Scam.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din berkata, pihaknya menerima laporan membabitkan mangsa berusia 56 dan 62 tahun, Selasa lalu.

Katanya, mangsa mendakwa semuanya bermula selepas menerima panggilan

Dua beradik rugi RM658k ditipu sindiket

dan telefon mendakwa daripada pihak insurans dan pihak polis pada 28 Februari lalu.

"Suspek memaklumkan mengenai maklumat diri mangsa disalah guna, yakni terbabit jenayah pengubahan bahan

wang haram dan dadah.

"Disebabkan alasan untuk membantu kedua-dua mangsa menyelesaikan kes, mangsa diminta untuk membuka satu akaun bank lain dan diminta untuk mendedahkan maklumat akaun kepada

sindiket.

"Kemudian kedua-dua mangsa diarah membuat pemindahan wang ke dalam akaun baharu dibuka dan tidak menggunakan akaun terbabit sepanjang tempoh kes diselesaikan," katanya.

Abdul Rahim berkata, kedua-dua mangsa menyedari diperdaya selepas mem-

baca satu artikel berkenaan Phone Scam di akhbar.

Katanya, mangsa membuat semakan ke atas akaun dan mendapati wang dalam akaun berkurang RM500,000 dan RM158,000.

"Semua wang adalah simpanan kedua-dua mangsa dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.



ABDUL Rahim

Mangsa diminta buka akaun bank baharu serta memindahkan semua wang